

Negeri Perak mempunyai

dua lambang khusus untok

kegunaan keluarga di-raja

28.8.64

NEGERI Perak mempunyai tiga lambang—dua buah daripada—nya telah di-reka sa-mula tidak sampai dua tahun yang lalu—khusus untok kegunaan keluarga di-raja untok menggantikan lam-bang2 lama.

Jata di-Raja Perak, khusus untok kegunaan baginda Sultan saja;

Lambang di-Raja Perak untok kegunaan Raja Perempuan, Raja Muda dan Raja di-Hilir, dan

Lambang Negara khusus untok kegunaan Kerajaan Negeri dan kelihatan pada kepala surat2 Kerajaan dan surat2 rasmi.

Lambang2 Jata di-Raja Perak dan Lambang di-



Raja Perak mengandongi pertanda di-raja—simbol kedaulatan, bintang dan bulan sabit melambangkan ugama negeri Ugama Islam, dan Keris di-Raja yang menjadi simbol kekuasaan.

Sa-lain dari itu, di-sabelah bawah-nya bertulisan

jawi yang berkata: "Allah Peliharakan Sultan Perak."

Di-sabelah atas-nya terdapat sa-buah bintang yang mempunyai lapan penjuru, suatu tanda bahawa di-negeri Perak terdapat lapan



buah daerah, dan Bunga Padi yang terdapat dalam lambang itu menandakan pekerjaan bertanam padi ia-lah suatu pekerjaan terpenting di-negeri itu di-masa yang lampau.

Dalam Lambang di-Raja Perak terdapat Nafiri, satu daripada alat2 Gendang Nobat yang menjadi simbol kesultanan, dan dua blah keris menyatakan simbol Bangsa Melayu.

Bukit dan laut dalam lambang itu menandakan usul kerabat di-raja Perak yang datang menyeberang laut dari Bukit Siguntang, Sumatra.

Tulisan jawi di-bawah lambang itu berkata. "K kepada Allah dan Negeri" menyatakan chogan negeri bagai simbol ta'at setia.

Lambang Negara, yang di-adakan sejak beberapa lama dulu mengandongi tulisan jawi yang berkata "Negeri Perak."